



## Api kamu adalah satu bahagian daripada 70 bahagian dari api neraka Jahannam

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Api kamu adalah satu bahagian daripada 70 bahagian dari api neraka Jahannam." Lalu ditanyakan: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia (api dunia) sudah pun mencukupi." Baginda bersabda: "Ia telah dilebihkan ke atasnya dengan 69 bahagian, yang mana kesemuanya adalah sama panasnya.""

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa api dunia adalah satu bahagian daripada tujuh puluh bahagian neraka jahanam, Maka api neraka di akhirat, darjah kepanasannya melebihi kepanasan api di dunia sebanyak enam puluh sembilan bahagian, yang mana setiap satu bahagian daripadanya adalah bersamaan dengan kepanasan api di dunia. Maka dikatakan: Wahai Rasulullah, sesungguhnya api dunia sudah cukup untuk mengazab penghuninya, Beliau berkata: Api neraka Jahannam dilebihkan ke atas api dunia sebanyak enam puluh sembilan bahagian, dan setiap satu bahagian daripadanya sama panasnya seperti api dunia.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65036>

